

27 MAY 2000

Lapangan terbang

LAPANGAN TERBANG SULTAN ABDUL HALIM DIPERBESARKAN

ALOR SETAR, 27 Mei (Bernama) -- Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Kepala Batas dekat sini akan diperbesarkan bagi membolehkan pesawat lebih besar seperti Airbus mendarat di situ.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, hari ini berkata kerajaan negeri sedang menyediakan laporan terperinci mengenainya untuk dikemukakan kepada Kementerian Pengangkutan.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Persatuan Nelayan Kuala Kedah di Wisma Nelayan Kuala Kedah hari ini, beliau berkata pembesaran landasan dan struktur bangunan lapangan terbang itu dapat mempercepatkan kemajuan negeri ini khususnya dalam industri pelancongan.

Beliau diminta mengulas saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed baru-baru ini supaya lapangan terbang Sultan Abdul Halim diperbesarkan bagi membolehkan penerbangan terus dari Finland, Korea, Jepun dan Jerman ke Langkawi singgah di lapangan terbang itu.

Syed Razak berkata pembesaran lapangan terbang itu juga membolehkan penerbangan jemaah haji ke Mekah dan sebaliknya menggunakan pesawat lebih besar diadakan secara terus dari negeri ini.

Mengenai pertanian, Syed Razak berkata kerajaan negeri akan menjadikan Kedah sebagai pengeluar hasil pertanian dan penternakan terbesar bagi ikan, daging, ayam dan sayuran negara menjelang 2010.

Kedah berpotensi mencapai matlamat itu kerana mempunyai infrastruktur yang mencukupi selain tanah, lombong terbiar, tasik dan kawasan laut yang sesuai untuk penternakan ikan di samping minat syarikat-syarikat swasta dalam bidang berkenaan, katanya.

Beliau berkata kerajaan negeri juga menerima permohonan menternak ikan dalam 4,000 sangkar di perairan Kedah serta menternak ikan air tawar di Tasik Pedu dan lombong tinggalan di Semeling, Bedong dari beberapa syarikat.

Syed Razak berkata kerajaan negeri juga akan menandatangani satu Perjanjian Persefahaman dengan Kementerian Pertanian bagi menyerahkan 1,000 ekar tanah untuk pelaksanaan projek sayur-sayuran.

Beliau akan mewakili kerajaan negeri manakala Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi yang mewakili kementerian akan menandatangani memorandum itu di Wisma Darul Aman pada Selasa ini.

Kerajaan negeri telah mengenalpasti dua tempat iaitu padang ragut di Jitra dan taman sayuran di Perik, Padang Terap, masing-masing seluas 500 ekar, untuk diserahkan kepada Kementerian Pertanian bagi tujuan itu, kata Syed Razak.

Syed Razak juga meminta Persatuan Nelayan tidak menjadi pemerhati dalam arus perkembangan itu sebaliknya melibatkan diri dengan menceburi pelbagai bidang yang boleh memberi keuntungan.

"Mereka (nelayan) tidak boleh tumpu pada tangkapan ikan sahaja, tetapi perumahan, perniagaan minyak dan sebagainya bagi meningkatkan pendapatan kepada ahli," katanya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kedah, Encik Othman Abdul Latif, berkata Persatuan Nelayan Kuala Kedah adalah persatuan nelayan yang paling berjaya di samping mempunyai keanggotaan melebihi 4,000 orang.

Persatuan itu mendapat keuntungan bersih kira-kira RM733,000 dari hasil penglibatannya dalam bidang perniagaan bernilai hampir RM16.7 juta sepanjang tahun lalu.

-- BERNAMA

ZA NAK